

PELIHARALAH TULISAN MELAYU

Bahasa Melayu Tak Boleh Berubah Corak

Huruf Jawi Berakar Tunjang, Rumi Jangan Bersorak

A. Abdul Hamid bin Muhammad Sa'ad, penulis rencana ini ialah seorang ahli bahasa Melayu yang terkenal dan bekas guru pelawat Parit, Perak. Baharu-baharu ini sebuah kamu (Jawi) susunannya mengandungi perkataan-perkataan Sanskrit termasuk dalam bahasa Melayu telah dicap dan dikeluarkan atas nama Jabatan Persuratan “KPGMS” – Kesatuan Persekutuan Guru-guru Melayu Semenanjung – P.Q.

(Oleh Abdul Hamid. Parit)

Setelah disemak Memorandum Asas 50 di akhbar Warta 6
dan 9 April 1954 tertarik benar hati saya cuba
memberi fikiran tentang tulisan Jawi:

Sekalian bangsa Melayu lebih dahulu mengenal huruf Jawi
sebelum mengenal huruf Rumi. Yang demikian huruf Jawi
telah menjadi tulisan rasmi bahasa Melayu semenjak 650
tahun dari semenjak bangsa Melayu beragama Islam.

Masa yang sepanjang itu huruf Jawi telah sealir
dengan jiwa bangsa Melayu yang tiada mudah dipengapakan. Sekiranya
huruf Jawi hapus bangsa Melayu akan menjadi sam-sam
dan tewas di dalam kebudayaan dan politik. Ramainya
bangsa di dunia memakai huruf Rumi tidak menjadi alasan
boleh menghapuskan pasak bangsa, tidakkah dengan terburu-burunya
perempuan Melayu meniru pakaian perempuan-perempuan dunia sekarang
mereka telah masuk ke alam baharu (alam separuh telanjang)?

Di dalam tahun masih 1928 Turki hapuskan
tulisan Arab, akibatnya sinaran Islam beransur-ansur padam,
jika dibicarakan dengan saksama dan adil tulisan Jawi

juga praktis seperti praktisnya tulisan Rumi.

Apa yang boleh ditulis oleh Rumi boleh pula ditulis
oleh Jawi begitu pula mana-mana yang dapat disebut oleh
Rumi. Di dalam tulisan Jawi cukup dan lengkap;
tetapi sebaliknya ada kalimah-kalimah Rumi yang sunyi dengan
Jawi banyak yang mengelirukan, andainya: *Tālak* (Talak)
Talāq (Talak), *Hākim* (Hakim), *Hakīm* (Hakim),
Salīh (Saleh), *Soleh* (Saleh), *Sihat* (Sihat)
Sīhat (Saihat), *Hawā'* (Hawa), *Hawā* (Hawa).

Di sini lamun diperhati dengan cermat tulisan Rumi tiada
dapat membezakan di antara “Ta” dengan “Ta”, “Sin” dengan
“Sad”. Apatah lagi tulisan Rumi tiada upaya memberi
erti segala perkataan yang sunyi itu. Oleh itu di manakah
mulianya tulisan Rumi. Hingga ada hati yang tergamak
hendak meleburkan tulisan Melayu?

Dari sedikit keterangan ini nyatalah tulisan rumilah yang
berkurangan bukan tulisan Melayu.

Lagi kekurangan tulisan Rumi (dua Rumi satu

Jawi). Tha (th), Cha (ch), Kha (kh), dhal (dz), dad (dz) dan sebagainya. Sekiranya dipandang sepintas lalu sahaja nyatalah di dalam hal tulis-menulis lebih cepat menulis “dhal” daripada “dz” dan seumpama itulah yang lain-lain pun. Siapakah yang praktis? Ini baharu hal huruf jika dibandingkan pula tentang ejaan maka lebih banyak ejaan Rumi memakan muka surat daripada Jawi: Arakian (arakian), Mempelam, (mempelam) Sabermula (Sabermula) dan seterusnya.

Dengan adanya tulis Rumi huruf besar bagi menunjukkan nama itu tidaklah menjadi dalil tulisan Rumi sahaja mesti dikemukakan: baik ada huruf besar di dalam tulisan Jawi baik tiada, orang Melayu sendiri tahu apabila disebut nama Muhammad tetap nama bangsa Melayu yang beragama Islam; kenapakah pihak yang hendak menghilangkan huruf Jawi itu tidak sedar di dalam tulisan yang hendak dibuang itu ada “Ha” dan “Ha” pada hal di dalam Rumi ada cuma H sahaja.

Orang-orang Melayu yang berpelajaran pun sedar di dalam tulisan Jawi ada juga kesusahan di dalam huruf saksi seperti e, e, i (feqah) dan ha, apabila hendak menulis tendang (Tendang), sempong (Sembong), pentas (Pentas) tangki (Tangki), rantai (Rantai), petai (Petai) tetek (Tetek), belek (Belek) sapau (Sapau), lampau (Lampau). Saya fikir segala kesusahan itu segera dan senang hilang sekiranya perkataan-perkataan itu ada rangkai katanya seumpama: 1. Tendang Bola bukan Tandang bola, 2. Disambung ayam bukan Disambong ayam, 3. Bersyarah di atas pentas, bukan bersharah di atas pantas, 4. Tangkai jering bukan Tangki jering, 5. Rantai jam bukan Rentijam, 6. Ulam petai, bukan ulam peti, 7. Tetek labuh, bukan Titek laboh, 8. Jangan belek lama-lama, bukan jangan bielek lama2, 9. Si Ayub berhenti lelah di atas sapau bukan Si Ayub berhenti lelah di atas sapu, 10. Terlampaup sedap bukan Terlampaup sedap, sekianlah sedikit contohnya.

Kaedah yang diterakan di bawah ini boleh pula mempraktikkan tulisan Jawi asakan ahli-ahli setara pendeta-pendeta Melayu atau Lembaga Persuratan mahu bekerjasama menghidupkan tulisan Jawi: ai pada petai pakai “ya selampai” (ya). e “ya kasar) pakai ya titik bertindih. e (pepet) pakai tanda pada perkataan seumpama tendang. o “wau kasar” tandakan dengan satu noktah pada lampau (wau). Dengan tambahan-tambahan ini huruf saksi tulisan Melayu menjadi 4+3 dan dalam itu pun dapat dipinda lagi di mana yang belum sempurna.

Tentang tanda-tandan perhentian seperti (?) boleh digunakan –tah, -kah-. Tanda-tanda seruan (!) pula memang telah ada perkataan Ayuhai, Wah dan Hai.

Bangsa Melayu dari sebelum beragama Islam memang ada bahasanya iaitu bahasa Melayu, tiap-tiap bahasa tajalli bersama-sama dengan bangsanya: dalam tahun 1941 saya telah membaca sebuah majalah ada pun banyaknya bahasa di seluruh dunia ini 2,796 macam di antaranya 850 yang terkenal iaitu: (1) 43 di Eropah (2) 153 di Asia, (3) 113 di Afrika, (4) 424 di Amerika dan (5) 117 di Lautan Pasifik. Dengan perkataan benua Asia yang ada 153 bahasa yang terkenal itu termasuklah bahasa Melayu. Sebagaimana yang dikatakan tadi tiada harus sama sekali dileburkan huruf Jawi oleh sebab telah dikenal dunia dan diakui dunia. Ini bukankah universal? Isteimewa dalam zaman ini yang masing-masing bangsa hendak mengembangkan dalam kebudayaan mereka –baca kemudian yang sebenar tiada labudda di akal ada pihak yang mahu menyokong untuk memadamkan kebudayaannya.

Dengan perkataan huruf Jawi tiada laku atau terkenal di dalam internasional itu bukanlah suatu perkara yang dapat mengalah atau menarik pandangan di sisi siuman yang sempurna akal melainkan ada tak ada ialah suatu jawapan kanak-kanak nakal yang lewat sampai ke sekolah. Apabila ditanya oleh gurunya jawapannya: ia jalan membuntut setapak ke hadapan dua tapak ke belakang. Dan di sini beroleh pula saya

membicarakan dunia *international*, adakah kesemuanya bangsa yang memakai tulisan Rumi digunakan di sana kerana wakil-wakilnya pandai menulis A, B, C – Z, jawabnya: Haihat!

Di bawah ini dibawa pemandangan kepada pihak yang gemarkan “bahasa Melayu tidak perlukan tulisan Jawi” oleh al-Ustādh al-Shaykh Muḥammad Ṭahir Jalāluddīn al-Azharī di dalam majalah Semangat Islam 1 September 1930 salinan daripada tambahan Neraca yang terbit di Singapura bertarikh 15 Rabiul Awal tahun 1330 ringkasnya:

Fasal menulis dengan tulisan Romanis (Latin) yang telah berkembangan di sebelah Sumatera, Jawa dan Pulau-pulau Indonesia hingga jadi kebanyakan suratkhabar-suratkhabar anak negeri diterbitkan dengan huruf Latin ganti daripada huruf Arab yang telah dipakai dan digunakan oleh datuk nenek moyang daripada 700 tahun lalu. Sungguhpun hal ini setengah daripada dalil yang amat nyata menunjukkan bahawa kejadian umat-umat yang dahulu-dahulu itu tersedia bagi menerima hancur lebur habis masuk ke dalam bangsa asing, hapus sebutan mereka itu dan terbit sebutan lain, *wa al-‘iyādh bi Allāh*.

Ya Ilahi ya Tuhanku apalah halnya 40 million lebih daripada umat Islam meninggalkan tulisan yang ditulis dengan dia kitab mereka itu yang maha suci (*al-Quran al-‘Azim*) dan segala kitab agama mereka semenjak tujuh kurun dengan tiada siapa memaksa akan mereka meninggalkannya dan tiada pula diharap mendapat faedah pada memisahkannya dan mereka memilih akan tulisan yang amat pelik daripadanya pada segenap perkara dan terlebih panjang berganda-ganda dan tidak boleh ditulis dengan dia namanya sendiri bagaimana sebutan asalnya lagipun tidak pula harus dituliskan dengan dia barang yang bersangkutan dengan agama mereka yang maha suci kerana berubah maknanya. “*Alhamdulillāhi rabb al-‘alamīn*” apabila dituliskan dengan huruf Latin nescaya jadilah ia begini: *Alhamdulillāhi rabb al-‘alamīn*. Membangangkan kepada Allah – perkataan yang bukan perkataannya, dan adalah makna “al-Ilahi” itu ialah pelali – nama

syaitan Iblis ‘alaihi al-laknat dan jadi tujuan perkataan itu memuji akan syaitan al-rajīm dan mensifatkan dia Tuhan sekalian alam maka yang demikian mengeluarkan daripada agama Islam mereka (murtad). Sampai di sini dirantaikan rencana Tuan Shaykh Ṭahir kerana terlalu panjang mengandungi 5 ½ muka majalah “semangat Islam” itu.

Jadi terbit daripada rencana yang baharu lalu ketahuilah kita 23 tahun yang sudah telah berbangkit soal ini yang demikian tidak ada celah perkataan-perkataan Arab boleh dimelayukan dengan menurut lidah Melayu dengan tulisan Rumi. Pembela-pembela Jawi yang mencampuri soal ini bukan bertopeng akan agama Islam; tetapi sesuai dengan agama Islam.

Sebelum didatangkan kata penutup dijelaskan dua perkara lagi:

1) Hal bangsa yang sukar mempelajari bahasa Melayu melalui tulisan Jawi bukan soal kita (bangsa Melayu) itu soal mereka sendiri; tetapi kenapakah anak-anak Melayu dapat berkejar-kejar di dalam di dalam perama sastera bangsa-bangsa asing hingga ada yang ke China dan ke India; biarlah perama sastera antara bangsa kita dengan bangsa-bangsa asing itu sama tinggi sekiranya direndahkan hak kita dengan nilai yang murah berertihlah kita dengan sukacita sendiri membuang pusaka kita dan bertepatanlah kata kiliran budi: Lagi pulang kelaparan dagang lalu ditanakkan anak di riba diketepikan kera di hutan disusui.

2) Tentang Kamal Ataturk penganjur Turki yang berkuasa dan tugas mengubah peraturan Islam: (1) Tidak boleh beristeri lebih dari satu (2) Rumah-rumah tumpangan fakir miskin ditutup dan perbelanjaannya diberhentikan (3) Pakaian secara agama Islam ditegahkan memakainya (4) Sekatan antara lelaki perempuan di atas keretapi atau tren tidak dipakai lagi (5) Patung resident kerajaan yang baharu didirikan di Konstantiniah (6) Perempuan-perempuan dibebaskan (7) Pakaian purdah ditukarkan dengan gaun (8) Huruf-huruf Arab digantikan dengan latin (9) Yang lebih dahsyat dan ngeri lagi ialah sesiapa

Azan enam bulan penjara. Cukuplah sedikit keterangan ini.

(Bahkan ada lagi, nikah kahwin Turki menurut hukum

dan undang-undang Switzerland! – P.Q.)

Segala kejadian-kejadian yang berlaku di Turki muda, “Islam”

manakah yang tidak gerun mendengarnya walaupun di kalbunya ada

sepancar iman. Semuanya telah berubah corak celupan moden

pada hal negeri pusat khilafiah yang negaranya luas

dahulu tidak dapat ditebus oleh Turki latin.

Jangan Dikorek-korek Ejaan Salah

Saya percaya siapa juga boleh bertemu dengan

ejaan salah di dalam akhbar-akhbar, buku-buku, kitab-kitab, majalah-majalah

dan lain lagi di dalam tulisan Jawi. Tak usahlah dicari

akan sebabnya – mari pula sama-sama kita perhatikan di akhbar-akhbar,

buku-buku, majalah-majalah dan sebagainya di dalam tulisan

Rumi nescara di sini pun boleh bertemu sebagaimana di tulisan

Jawi juga; ada yang menulis Arifin ada yang Ariffin,

ada yang Ahmad ada yang Ahmed, ada Mohamad ada

Mohamed, dan ada pula Mohammed. Jarang-jarnag dengan

Muhammad. Sebanyak tiga contoh ini memadailah untuk

perbandingan.

Berhubung dengan perkataan Arab hendak dimelayukan, ini

adalah laksana kata pepatah “Mendagang belerang merah” kerana

di dalam ejaan Arab itu bukan sahaja huruf itu

boleh mengubah makna tetapi titik pun demikian juga:

Hākim (Hakim) ertinya yang menghakimkan, *Hakīm* (Hakim)

ertinya berpengetahuan, *Ṣihat* (Sihat) ertinya tiada sakit,

Saihat (Saihat) ertinya menjarit, dan begitulah di antara

nahar dengan nahr dan lain-lain.

Sekadar ini agaknya meliputilah segala yang kecil-kecil atas

bahasan pihak yang hendak menghapuskan tulisan Jawi.

Jawi biar berlenggang dengan tangan kanannya, Rumi berlenggang

dengan tangan kirinya.

Ubat Baharu dan Ganjil Berbeza Dari

Yang Lain-lain dan Tidak Merbahaya

1). Ubat telinga (EARCO)

\$ 3 / 50 post bersih.

Baik penyakit baharu atau lama, nanah cepat berhenti.

2). Ubat buah pelir (HYDROCELO)

\$ 12.50 bersih post.

Mujarabnya cepat dan belum pernah ada untuk: Angin pasang,

pelir bengkak atau bodek, baik pada orang-orang tua, muda

ataupun kanak-kanak. Bengkak, lendiri dan sakitnya segera

kecut dan hilang.

3). Ubat buasir (PILGO)

\$ 6 / 50 post bersih.

Dalam 24 jam mulai sembah, beransur kecut dan

ghaib langsung. Perempuan hamil pun boleh memakannya.

4). Ubat gila babi (FITS GO)

\$ 6 / 50 post bersih

Sekarang ada ubatnya. Penyakit tak balik lagi. Juga

ubat ini menerangkan otak.

5). Tonik insan (VIGORO)

\$ 7 / 50 bersih post.

Kalau lemah kembali tegap seperti semula. Terkencing-kencing

atau mani tergelincir selalu, sembahnya segera. Mujarabnya

diakui utama.

6). Ada banyak lagi ubat-ubat jenis baharu

dari England

Untuk: Lelah, leher beguk, untut dan lain-lain

lagi. Orang-orang yang putus harap dari ubat-ubat yang lain

silalah beritahu dengan terang bersama 10 sen stamp.

Pesanlah dari:

Mohd. Amir bin H. M. Khatib

(as Representative of,) Woh Kee Medical Hall,

124, Ipoh Road, Kuala Lumpur.